

**Malaysia, Wilayah Zanzan Iran jalin hubungan rapat dalam perdagangan,
pelancongan, pendidikan
Astro Awani
09 Disember 2024
Bernama**

ZANJAN (Iran): Malaysia terus memperkukuh komitmen untuk mempererat kerjasama dua hala dengan Wilayah Zanzan di Iran, dengan menumpukan pada keutamaan bersama dalam bidang perdagangan, pelancongan, pendidikan, dan hubungan perbandaran.

Komitmen ini ditekankan semasa kunjungan hormat Duta Besar Malaysia ke Iran Khairi Omar ke atas Gabenor Zanzan Seyed Mohsen Sadeghi, di luar sambutan Hari Zaitun Kebangsaan dan Dunia kedua, acara penting yang mengetengahkan peranan utama Zanzan dalam pengeluaran zaitun di Iran.

Kedua-dua pihak menekankan kepentingan memperkukuh hubungan antara Zanzan dan Malaysia.

Dalam perbincangan itu, cadangan untuk menjalin hubungan bandar kembar antara Zanzan dan sebuah bandar di Malaysia disambut baik oleh Gabenor Sadeghi, yang menyifatkan inisiatif itu sebagai “langkah penting ke arah memperkukuh hubungan budaya dan ekonomi.”

Khairi turut mengetengahkan potensi Zanzan sebagai destinasi unik untuk pelancong Malaysia, sambil menyatakan bahawa acara seperti Hari Zaitun Kebangsaan menyediakan peluang berharga untuk meningkatkan kerjasama pelancongan.

Sadeghi pula berkongsi rancangan untuk menghasilkan dokumentari yang memaparkan kekayaan sejarah, budaya, dan tarikan semula jadi Zanzan, serta potensi ekonominya yang lebih luas.

Dalam aspek ekonomi, kedua-dua pihak mengakui terdapat peluang besar untuk perdagangan dan pelaburan.

Sadeghi menegaskan kesediaan Zanzan untuk menarik pelabur asing dan mencadangkan penganjuran pameran keupayaan industri wilayah itu untuk Malaysia dengan sokongan Dewan Perdagangan Zanzan serta sektor swasta.

Khairi mengulangi minat Malaysia untuk meneroka peluang perniagaan di Zanzan, terutamanya dalam sektor industri, perlombongan, dan pertanian.

Mengenai kerjasama pendidikan, perbincangan tertumpu pada potensi kerjasama penyelidikan dan program pertukaran universiti.

Khairi berkata terdapat “peluang luas untuk kerjasama dalam pendidikan, penyelidikan saintifik, dan perkongsian ilmu” antara Malaysia dan Zanzan, manakala Sadeghi menekankan nilai memperkukuh hubungan dalam bidang akademik.

Lawatan ini mencerminkan minat berterusan Malaysia untuk mempererat kerjasama dengan Iran di peringkat wilayah, selain meneruskan perbincangan sebelum ini yang mengukuhkan komitmen bersama untuk melaksanakan inisiatif yang dipersetujui dan meneroka peluang kerjasama baharu.

-- BERNAMA

© 2024 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-wilayah-zanzan-iran-jalin-hubungan-rapat-dalam-perdagangan-pelancongan-pendidikan-499864>